



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 12 Februari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Payments via MyKad urged for supermarkets

Mohd Nazllie Zainul

PENAMPANG: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) urged more businesses and supermarkets to implement payment acceptance using the MyKad system.

Its Minister, Datuk Armizan Mohd Ali, said this approach would make it easier for the public to use the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) initiative, which is credited directly into recipients' MyKad.

"As recently announced by the Ministry of Finance, the implementation of the Sara programme will be expanded using the same system in Sabah and

Sarawak starting this year.

"Previously, the initiative in these two states was distributed in cash, and sometimes, it took months for recipients to receive the aid.

"However, beginning this year, the government is involving supermarkets and other business premises in Sabah and Sarawak to allow the aid to be used through the MyKad payment system.

"Consumers can simply bring their MyKad to supermarkets to make payments and check their remaining balance. We believe this method is much more convenient for users," he said.

Armizan made these remarks during

a media interview after officiating the Program Jualan Rahmah Madani (PJR) Back to School 2025, held in conjunction with the school holiday season at ITCC Shopping Mall, here, Monday.

Also present was the Sabah Director of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), Shahril Nizam Shahidan.

Additionally, Armizan said that the government has allocated nearly RM13 billion for the year 2025 for the Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and Sara initiatives as part of efforts to help citizens cope with rising living costs.



Armizan demonstrating how to make payments using the MyKad system during a visit to Bataras supermarket.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Industri muzik raih RM339 juta

RIM sifatkan pencapaian tahun lalu catat rekod baharu luar biasa



Hael dan Ernie antara penyanyi tempatan yang mencapai kejayaan membanggakan di luar negara pada tahun lalu.

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin
bhnews@bh.com.my

Industri muzik tempatan meraih pendapatan tertinggi dalam sejarah, iaitu RM339 juta atau meningkat 11.5 peratus tahun lalu berbanding RM304 juta pada 2023.

Pencapaian yang disifatkan Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) sebagai luar biasa itu mencipta rekod baharu dengan kali terakhir kadar pendapatan tinggi dilaporkan pada 1996 bernilai RM315 juta.

Rekod 2024 itu disumbang peningkatan 14 peratus hasil pendapatan digital dan 7.6 peratus per-tambahan kutipan royalti tiga Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO) muzik utama negara, berbanding 2023.

Pengerusi RIM, Rosmin Hashim, berkata RIM yakin masa depan industri muzik tempatan bertambah baik berdasarkan kejayaan tahun lalu.

"Pelbagai inisiatif RIM untuk membangunkan industri muzik tempatan membuahkan hasil melalui kejayaan membanggakan dicapai penggiat industri muzik tempatan, tahun lalu.



Rosmin Hashim

"Inisiatif itu merangkumi usaha menggalakkan pelaburan dalam industri muzik tempatan, melindungi harta intelek ahli, penyerahan data relevan dalam pembentukan dasar kerajaan dan penggalangan undang-undang baharu berkaitan muzik," katanya.

Rosmin berkata, RIM proaktif dalam hubungan dengan Kementerian dan agensi kerajaan berkaitan untuk meng-

gubal dasar dan undang-undang baharu menyokong pertumbuhan industri muzik tempatan.

"Antaranya berbincang dengan Kementerian berkaitan untuk meminda Akta Hak Cipta agar tempoh perlindungan hak cipta karya lagu dan rakaman bunyi dilanjutkan daripada 50 tahun kepada piala-waian antarabangsa baharu, iaitu 70 tahun," katanya.

Katanya, pada sesi libat urus bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), RIM mencadangkan undang-undang baharu agar kebenaran pemilik hak cipta diperolehi dalam penggunaan lagu yang ada hak cipta bagi melatih model janaan muzik menerusi kecerdasan buatan (AI).

Lindungi harta intelek

"RIM dengan sokongan bahagian penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut mengambil langkah melindungi harta intelek ahli melalui

penyngkiran penjual yang melanggar hak cipta di laman e-dagang popular.

"Selain itu, serbuan ke atas premis perniagaan yang menggunakan atau memperdagangkan muzik berhak cipta tanpa lesen atau kebenaran pemilik hak cipta turut dilakukan.

"RIM mengambil inisiatif penting untuk melindungi hak ahli dengan berunding semula dan membuat pindaan diperlukan kepada perjanjian kerjasama berkaitan antara pemegang hak dan stesen penyiar," katanya.

Rosmin berkata, kejayaan beberapa penyanyi tempatan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa turut menjadi penyumbang kepada pendapatan industri muzik tanah air.

Antara penyanyi yang mencapai kejayaan besar di luar negara adalah Ernie Zakri yang merangkul Anugerah Soundtrack Sine-

tron Paling Ngetop (OST) pada Anugerah SCTV di Indonesia, melalui lagu duet bersama Ade Govinda berjudul *Masing-Masing*.

Hael Husaini pula meraih Anugerah Lagu Tema Terbaik pada Asia Academy Creative Awards 2024 manakala Shila Amzah melangkah ke peringkat akhir program *Singing with Legends* di China.

Turut mengharumkan nama negara adalah kumpulan Dolla yang terpilih mewakili Malaysia dalam program realiti *Show It All di China*.

Firdhaus Farnizi pula menempa kejayaan dalam industri Mandopop dengan single duet bersama DIOR, iaitu *Divorce in Ghana* yang melepasi 17 juta aliran di Spotify.

Selain itu, Zubir Khan mendapat perhatian antarabangsa dengan dendangan viral, *Yemnode Macha* yang mencapai lebih 17 juta tontonan di YouTube.

200 pelajar terima sumbangan program kembali ke sekolah

KUALA LUMPUR: SERAMAI 180 pelajar dan 20 pelajar kurang berkemampuan dari PPR Seri Cempaka menerima RM70,000 daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menerusi sumbangan Wakalah Zakat Korporat (WZK) dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sempena Program kembali ke sekolah SSM 2025 baru-baru ini.

Sumbangan berbentuk barangan keperluan persekolahan bernilai RM350 setiap seorang itu disempurnakan Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof.

Dalam ucapannya, Ahmad Sabki berkata, program tersebut mencerminkan komitmen SSM menyokong usaha memperkasa generasi akan datang kerana pendidikan merupakan asas penting dalam membentuk generasi muda yang berwawasan, berintegriti dan bersedia menghadapi cabaran masa depan dengan yakin serta berdaya saing. Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (JPZCSR) SSM, Rezy



SEORANG pelajar menerima sumbangan daripada Rezy Izwan Ramly sambil diperhatikan Ahmad Sabki Yusof dan Sarifuddin Mohd Fahmi.

Izwan Ramly dan Pengerusi Persatuan Belia Seri Cempaka, Sarifuddin Mohd Fahmi.

Kata beliau sejak 1 Januari hingga 31 Disember 2024, pihaknya mengagihkan lebih RM7.4 juta menggunakan dana Wakalah Zakat

Korporat SSM kepada 11,242 penerima asnaf di seluruh negara. Dalam tempoh yang sama, SSM juga telah menyumbangkan lebih RM535,000 menggunakan dana CSR kepada 932 penerima yang memerlukan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KL-Ankara bertukar 11 MoU

Malaysia, Turkiye perkukuh kerjasama pelbagai sektor

Putrajaya: Malaysia dan Turkiye bertukar 11 Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kerjasama dalam pelbagai sektor, bersempena lawatan rasmi Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan ke Malaysia dari Selasa lalu hingga semalam.

Pertukaran semua dokumen itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Erdogan, meliputi bidang utama seperti peralihan tenaga, pengurusan bencana, pertahanan, perdagangan dan kolaborasi media.

Antara perjanjian penting yang dimeterai ialah MoU kerjasama dalam peralihan tenaga di antara Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Tenaga dan Sumber Asli Turkiye, Alparslan Bayraktar.

Dalam bidang pengurusan bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bertukar MoU dengan Agensi Pengurusan

Bencana dan Kecemasan Turkiye (AFAD), selain kedua-dua negara turut memeterai perjanjian dalam latihan diplomatik.

Bagi memperkukuh kerjasama saintifik, Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan Malaysia dan Institut Penyelidikan Kutub Turkiye di bawah Majlis Penyelidikan Saintifik dan Teknologi (TUBITAK) bertukar MoU dalam penyelidikan Antartika dan Artik.

Kerjasama pertahanan

Kerjasama dalam sektor pertahanan turut diperkukuh dengan dua perjanjian utama.

Pertamanya perolehan kerajaan dengan kerajaan (G2G) dan penubuhan Jawatankuasa Bersama bagi Produk Pertahanan di antara Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin dan Setiausaha Industri Pertahanan Turkiye, Prof Aluk Gorgun.

Kedua, membabitkan sistem komunikasi strategik di antara Majlis Keselamatan Negara Malaysia dan Sekretariat Industri Pertahanan Turkiye.

Selain itu, pertukaran MoU di antara Selangor Aviation and Technology Innovation SB dengan Sekretariat Industri Pertahanan Turkiye dalam pembangunan bandar pintar, sistem trafik, dan keselamatan oleh Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.



Mohamed Khaled (kanan) dan Prof Aluk bertukar MoU disaksikan Anwar bersama Erdogan di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Dalam bidang perdagangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia bertukar MoU dengan Kementerian Perdagangan Turkiye yang memberikan tumpuan kepada perlindungan pengguna, pemantauan pasaran dan pemeriksaan.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri Malaysia bertukar perjanjian dengan Desan Shipyard

dari Turkiye bagi perolehan kapal misi pelbagai guna untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Dalam sektor media, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bertukar MoU dengan Radio and Television Supreme Council (RTUK) Turkiye bagi kerjasama dalam perkhidmatan media audiovisual. Sementara itu, BERNAMA dan

Anadolu Ajansi turut memeterai perjanjian mengenai kerjasama maklumat dan komunikasi bagi memperkukuh hubungan media kedua-dua negara.

Pertukaran MoU ini menekankan perkongsian yang semakin erat antara Malaysia dan Turkiye serta mencerminkan komitmen kedua-dua negara dalam memperdalam hubungan strategik, ekonomi dan budaya BERNAMA

Fishermen association denies involvement in subsidised diesel misappropriation

KUALA LUMPUR: The National Fishermen's Association (Nekmat) has denied any involvement in the misappropriation of subsidised diesel using a truck bearing the association's logo and the 'Diesel Subsidi Nelayan' logo.

In a statement, Nekmat said that the use of the two logos, as detected by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in Terengganu recently, was an irresponsible act that tarnished the association's image and reputation.

"Nekmat stresses that we are in no way involved in any illegal activities as reported. We fully support KPDN's firm action in addressing the misappropriation

of controlled subsidised goods.

"Nekmat remains committed to ensuring that subsidised diesel for fishermen is fully utilised for the benefit of registered fishermen and not misused by any party," it said.

The association added that it is also awaiting the results of KPDN's investigation and will cooperate with the authorities if there is evidence of external involvement. At the same time, it urged all parties not to engage in activities that could harm the country's fisheries industry and affect the welfare of fishermen.

"Nekmat will continue to monitor this situation and will issue further statements if necessary," it said. — Bernama

NEKMAT nafi terlibat penyelewengan minyak diesel subsidi

KUALA LUMPUR: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menafikan terlibat dalam kegiatan penyelewengan minyak diesel subsidi yang menggunakan lori dengan logo persatuan itu serta logo Diesel Subsidi Nelayan tanpa kebenaran.

Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT Abdul Hamid Bahari berkata, perbuatan menggunakan logo persatuan dan logo Diesel Subsidi Nelayan oleh pihak tidak bertanggungjawab ialah satu penipuan dan penyalahgunaan yang boleh menjejaskan imej serta maruah persatuan.

"NEKMAT memandang serius insiden penyelewengan minyak diesel subsidi menggunakan logo berkenaan tanpa kebenaran dalam satu operasi sindiket yang telah ditangkap dan disiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Terengganu.

"Persatuan ingin menegaskan bahawa kami tidak terlibat sama sekali dalam sebarang aktiviti haram seperti yang dilaporkan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Abdul Hamid berkata, pihaknya menyokong penuh tindakan tegas KPDN dalam menangani isu penyelewengan barang kawalan bersubsidi dan NEKMAT komited untuk memastikan bekalan minyak diesel subsidi nelayan digunakan sepenuhnya untuk kepentingan nelayan berdaftar dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

Persatuan itu juga katanya, masih menunggu hasil siasatan terperinci daripada KPDN dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan penglibatan pihak luar.

Beliau berkata pada masa sama, NEKMAT menggesa semua pihak untuk tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh merosakkan industri perikanan negara dan menjejaskan kebajikan nelayan. — Bernama

Nekmat nafi terbabit seleweng diesel subsidi

Kuala Lumpur: Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menafikan terbabit dalam kegiatan penyelewengan diesel subsidi yang menggunakan lori dengan logo persatuan itu serta logo 'Diesel Subsidi Nelayan' tanpa kebenaran.

Pengerusi Lembaga Pengarah Nekmat Abdul Hamid Bahari berkata, perbuatan menggunakan logo persatuan dan logo oleh pihak tidak bertanggungjawab adalah satu penipuan dan penyalahgunaan yang boleh menjejaskan imej

serta maruah persatuan.

“Nekmat memandang serius insiden penyelewengan minyak diesel subsidi menggunakan logo berkenaan tanpa kebenaran dalam satu operasi sindiket yang ditangkap dan disiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Terengganu.

“Persatuan ingin menegaskan bahawa kami tidak terbabit sama sekali dalam sebarang aktiviti haram seperti yang dilaporkan,” katanya.

NEKMAT nafi terbabit seleweng diesel subsidi

Kuala Lumpur: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menafikan terbabit dalam kegiatan penyelewengan minyak diesel subsidi yang menggunakan lori dengan logo persatuan itu serta logo Diesel Subsidi Nelayan tanpa kebenaran.

Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT, Abdul Hamid Bahari, berkata perbuatan menggunakan logo itu dan logo persatuan oleh pihak tidak bertanggungjawab ialah satu penipuan dan penyalahgunaan yang boleh menjejaskan

imej serta maruah persatuan.

“NEKMAT memandang serius insiden penyelewengan minyak diesel subsidi menggunakan logo berkenaan tanpa kebenaran dalam operasi sindiket yang ditahan dan disiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Terengganu.

“Persatuan ingin menegaskan bahawa kami tidak terbabit dalam aktiviti haram seperti yang dilaporkan,” katanya menerusi kenyataan, semalam. **BERNAMA**

'Kami serba salah nak naikkan harga'

Peniaga terpaksa naikkan harga masak lemak cili api kerana santan mahal

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
 REMBAU

Pengusaha restoran di Negeri Sembilan terutama yang mengetengahkan masak lemak cili api berdepan dilema menetapkan harga sajian tersebut ekoran kenaikan harga santan ketika ini.

Mereka mendakwa, masih mampu bertahan namun tidak tahu sampai bila.

Tinjauan *Sinar Harian* juga mendapati, ada peniaga yang telah menaikkan harga bagi semua masakan yang menggunakan santan.

Pemilik kedai makan di Chengkau, Arina Ahmad, 59, berkata, kesemua 20 jenis masakan yang menggunakan santan di kedainya naik RM1 sejak minggu ini.

"Kami peniaga, dapat harga murah sikit. Kalau sebelum ini saya beli santan RM12 sekilogram, tapi sekarang RM14.

"Itu pun peniaga santan tempat biasa saya beli dah tanya kalau mereka naikkan harga macam mana. Nak atau tak nak saya kena ambil juga," katanya kepada



ARINA

NOR AFFENDI

Sinar Harian pada Selasa.

Tambahnya, meskipun harga sajian menggunakan santan dinaikkan RM1, namun kehadiran pelanggan ke kedainya tidak terjejas.

Katanya, ada juga pelanggan yang bertanya mengenai kenaikan tersebut, namun apabila diterangkan, mereka memahaminya.

Seorang lagi peniaga, Nor Affendi Lamsah, 60, pula berkata, buat masa ini dia masih mengekalkan harga sajian masak lemak, tetapi tidak tahu sampai bila.

Ujarnya, dia bimbang pelanggannya lari sekiranya harga sajian menggunakan santan dinaikkan, namun mengakui agak terkesan kerana santan mahal.

"Bulan puasa ini pun harga santan akan naik lagi, tak tahulah saya nak letak harga macam mana kerana biasanya ka-



lau kita naik 20 seri pun orang dah kecoh," katanya. Nor Affendi berkata, keadaan itu membuatkan peniaga restoran kini berada dalam keadaan dilema.

Sementara itu, Ainon Alias, 67, berkata, setiap hari dia menggunakan sekurang-kurangnya lima kilogram santan dalam masakannya.

"Memang terasa kerana saya masak menggunakan santan segar. Harga santan bagi peniaga dinaikkan RM13 sekilogram berbanding RM10 sebelum ini.

"Tapi buat masa ini harga sajian masih

sama. Kita jadi serba salah nak naikkan harga," katanya.

Seperti sedia maklum katanya, Negeri Sembilan sememangnya terkenal dengan makanan yang berasaskan santan dan bahan mentah tersebut merupakan satu keperluan.

Tambahnya, dia boleh mengurangkan penggunaan santan di dalam masakannya terutama masak lemak cili api, tetapi rasanya akan terjejas.

"Kalau cair nanti pelanggan juga bising. Di kedai saya ini ada empat sajian masak lemak cili api," katanya.

Pengusaha restoran di Negeri Sembilan terutama yang mengetengahkan masak lemak cili api terpaksa menaikkan harga sajian itu kerana santan mahal.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 FEBRUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Feb	KPDN rampas arak tiruan RM104,918	https:// www.sinarharian.com.my/ article/711913/berita/semasa/ kpdn-rampas-arak-tiruan-	SINAR HARIAN
12-Feb	Pengurus pusat hiburan kantoi jual 11 jenama arak tiruan	https:// www.kosmo.com.my/2025/ 02/10/pengurus-pusat- hiburan-kantoi-jual-11-	KOSMO
12-Feb	KPDN serbu pusat hiburan jual arak tiruan	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/02/1185929/ kpdn-serbu-pusat-hiburan-	HARIAN METRO
12-Feb	KPDN serbu pusat hiburan jual arak tiruan	https://www.buletintv3.my/ nasional/kpdn-serbu-pusat- hiburan-jual-arak-tiruan/	TV3
12-Feb	KPDN serbu pusat hiburan ,Rampas 244 botol minuman keras tiruan	https://www.bernama.com/ bm/jenayah_mahkamah/ news.php?id=2391227	BERNAMA
12-Feb	244 botol minuman keras tiruan dirampas sekitar ibu negara	https://berita.rtm.gov.my/ jenayah/senarai-berita- jenayah/senarai-artikel/244- botol-minuman-keras-tiruan- dirampas-sekitar-ibu- negara	RTM
12-Feb	Arak tiruan dijual pada harga RM500 sebotol	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/02/arak- tiruan-dijual-pada-harga-	UTUSAN MALAYSIA
12-Feb	KPDN seize 244 bottles of counterfeit alcohol after raiding two entertainment outlets	https://thesun.my/malaysia- news/kpdn-seize-244- bottles-of-counterfeit- alcohol-after-raiding-two- entertainment-outlets- GB13655524	THE SUN
12-Feb	KPDN sita barangan tiruan bernilai lebih RM72,000 di Langkawi	https://www.buletintv3.my/ nasional/kpdn-sita-barangan- tiruan-bernilai-lebih-rm72000- di-langkawi/	TV3
12-Feb	KPDN sita barangan tiruan bernilai lebih RM72,000 di Langkawi	https://www.bharian.com.my/ berita/kes/2025/02/1360107/ kpdn-sita-barangan-tiruan- bernilai-lebih-rm72000-di- langkawi	BERITA HARIAN

12-Feb	KPDN Kedah rampas aksesori pakaian tiruan di Langkawi	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2391470	BERNAMA
12-Feb	KPDN Kedah rampas aksesori pakaian tiruan di Langkawi	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kedah-rampas-aksesori-pakaian-tiruan-di-langkawi-508203	ASTRO AWANI
12-Feb	Nekmat nafi terbabit penyelewengan diesel bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1186194/nekmat-nafi-terbabit-penyelewengan-diesel	HARIAN METRO
12-Feb	NEKMAT nafi penyelewengan diesel subsidi guna lori persatuan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1359995/nekmat-nafi-penyelewengan-diesel	BERITA HARIAN
12-Feb	Nekmat nafi terlibat penyelewengan minyak diesel subsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/712078/berita/nasional/nekmat-nafi-terlibat-penyelewengan-	SINAR HARIAN
12-Feb	NEKMAT nafi terlibat penyelewengan minyak diesel subsidi	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/11/nekmat-nafi-terlibat-penyelewengan-	UTUSAN BORNEO
12-Feb	NEKMAT nafi terlibat penyelewengan minyak diesel subsidi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2391397	BERNAMA
12-Feb	Subsidised diesel misappropriation in Terengganu: National Fishermen's Association denies involvement	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/11/subsidised-diesel-misappropriation-in-terengganu-national-fishermens-association-denies-involvement/166306#google_vignette	MALAY MAIL
12-Feb	NEKMAT denies involvement in subsidised diesel misappropriation	https://thesun.my/malaysia-news/nekmat-denies-involvement-in-subsidised-diesel-misappropriation-IB13657971	THE SUN